

BULETIN

EDISI 2 | 2019

JPK WILAYAH
TENGAH

SKILLS IN-TREND



e-Buletin:



**Pembangunan
Tenaga Mahir Menjamin
Kepuasan Pelanggan
MAZDA**

**PEKERJA MAHIR -
KOS OPERASI JIMAT
TALIWORKS
CORPORATION**

Taklimat PPT
pada hari Selasa
pertama setiap bulan
@ JPKWT

PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

Apa Itu PPT?

Satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan dalam NOSS berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki. Individu yang memohon hanya perlu mengemukakan bukti-bukti keterampilan yang dimiliki untuk dinilai dan disahkan oleh personel yang dilantik.

Tujuan PPT

Memberi pengiktirafan terhadap keterampilan yang dimiliki oleh seseorang individu yang diperolehi melalui pengalaman kerja, pengalaman hidup dan latihan secara formal atau tidak formal.

Siapa Yang Layak Diberi Pengiktirafan?

Semua individu yang memenuhi syarat tempoh pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Faedah PPT

Memberi peluang kepada sesiapa yang mempunyai kemahiran untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap keterampilan yang dimiliki.

Mengiktiraf pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi tanpa mengambilkira bila, bagaimana dan di mana ia diperolehi samada melalui pengalaman kerja, pengalaman hidup, atau latihan (formal, non-formal atau informal)

Menyokong dan menggalak pembelajaran sepanjang hayat (PsH)

Maklumat lanjut:
www.dsd.gov.my



ennova



Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)



ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI

KATA ALUAN PENGARAH

SEGMENT UTAMA 1

SEMINAR PERSIJILAN KEMAHIRAN
MALAYSIA BERSAMA GURU
KAUNSELING NEGERI PERAK



SEGMENT UTAMA 2

SESI PEMANTAUAN DAN
BIMBINGAN PELAKSANAAN SLDN

SEGMENT IKON KEMAHIRAN 1

PENINGKATAN KERJAYA
MELALUI SLDN - KTMB



SEGMENT IKON KEMAHIRAN 2

KOMITMEN BERTERUSAN
KUNCI KEJAYAAN
- ENNOVA SDN BHD

12 SEGMENT IKON KEMAHIRAN 3
TENAGA MAHIR MENGEKALKAN
DAYA SAING SYARIKAT - CSD

14 PERLUASAN TVET 1
PEMBANGUNAN TENAGA
MAHIR MENJAMIN KEPUASAN
PELANGGAN - MAZDA



16 PERLUASAN TVET 2
EMPOWER NCER
MEMPERKASA EKONOMI
BELIA DI NEGERI PERAK



17 PERLUASAN TVET 3
TVET PRO MENCUNGKIL
MINAT PELAJAR

18 PERLUASAN TVET 4
PEKERJA MAHIR -
KOS OPERASI JIMAT
TALIWORKS CORPORATION



20 SEGMENT TEKNOLOGI
REVOLUSI INDUSTRI 4.0?

22 PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
- PENGUKUHAN SAHSAH
- KURSUS MAGNET REZEKI
- KURSUS PEMBANGUNAN PORTAL

POTRET KEJAYAAN

24 TVET
OUTREACH



25 STATISTIK
STATISTIK SELANGOR KL PERAK
SEHINGGA NOVEMBER 2019

26 SEGMENT SANTAI
HARI KELUARGA JPKWT 2019

27 MUTIARA
KATA

leadership is not a
position or a title,
it is action and
example.



Kata Aluan Pengarah

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Dr Hajah Ruminah bt Muhammad Zain

KETUA PENGARANG

En Wan Sulaiman b Md Daud

PENGARANG

En Ismail b Abdul Hamid

En Mohd Faiz b Che Mat

Pn Norsiah bt Muhammad

En Mohamad Sharkan b Mahri

Pn Fazuary Haida bt Mior Muhammad Dahari

Pn Rohani bt Rahman

TERBITAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah
Kementerian Sumber Manusia

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel daripada mana-mana agensi, penyedia latihan dan individu yang ingin mempromosi sebarang aktiviti yang berkaitan dengan latihan kemahiran untuk dimasukkan dalam terbitan akan datang. Sumbangan artikel tersebut boleh dikemukakan ke :

Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah,
Kementerian Sumber Manusia
A301-2, Tingkat 3, West Wing,
Wisma Consplant 2, No 7, Jalan SS 16/1,
47500 Subang Jaya, Selangor.
03-5635 9995
03-5638 8777



JPK Wilayah Tengah

Assalamualaikum W.B.T & salam sejahtera.

Syabas dan tahniah kepada semua warga JPK Wilayah Tengah yang telah memberikan komitmen yang tinggi dalam penghasilan Skills In-Trend ini. Buletin edisi kali ini memaparkan aktiviti dan program yang dilaksanakan pada enam bulan kedua tahun 2019.



RMK11 telah menggariskan keperluan 33% tenaga kerja mahir negara menjelang tahun 2020, selaras dengan itu Jabatan melalui Pusat Bertauliah telah mempergiatkan usaha untuk memastikan latihan yang dilaksanakan dapat menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi serta memenuhi keperluan industri. Di samping itu bagi menyokong ledakan teknologi Industri 4.0 jabatan telah berusaha untuk memenuhi keperluan industri dengan membangun Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard – NOSS*) baharu dan mengemaskini NOSS sediaada untuk digunakan di Pusat Bertauliah bagi membolehkan latihan berteraskan Industri 4.0 dilaksanakan.

Selaras dengan fungsi Jabatan iaitu menggalak, menyelaraskan dan mempromosi latihan kemahiran, Jabatan bersedia bekerjasama secara strategik dengan agensi awam, persatuan, pertubuhan, syarikat dan pusat latihan bagi merealisasikan fungsi tersebut.

Dalam era latihan berasaskan industri, SLDN telah dirancang lagi dengan penglibatan industri besar seperti Mazda Motor Corporation dan KTMB Berhad dalam sektor pengangkutan. Di samping itu, SMI seperti CSD Interior Design, Ennova Sdn Bhd dan Taliworks Corporation juga mengambil peranan dalam SLDN dibidang *soft skills*.

Jabatan merakamkan setinggi penghargaan kepada pusat bertauliah dan syarikat kerjasama di Wilayah Tengah dan pihak berkepentingan lain yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Jabatan. Usaha, tekun dan sabar dalam melahirkan graduan berkemahiran amatlah dipuji. Semoga bekerjasama dan usaha ini dapat dipertingkatkan dan diteruskan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Y. Brs Dr Hjh Ruminah Bt. Muhammad Zain
Pengarang
Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah
Kementerian Sumber Manusia

SEMINAR PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

BERSAMA GURU KAUNSELING NEGERI PERAK

Seminar TVET Kaunselor sekolah negeri Perak tahun 2019 merupakan aktiviti yang telah dirancang oleh Jabatan Wilayah Tengah sebagai platform kepada Jabatan untuk memberi informasi dan kefahaman berkenaan kerjaya dan latihan dalam bidang kemahiran. Program ini telah diadakan di Hotel Impiana, Ipoh, Perak pada 6 Ogos 2019. Kehadiran dan penyertaan guru-guru kaunselor di sekolah sekitar negeri Perak adalah sangat menggalakkan iaitu seramai 112 orang telah hadir ke program ini.

Kaunselor yang hadir ke program ini memberi respon yang sangat baik, ini menunjukkan minat mereka untuk mengetahui dan memahami kerjaya dan latihan dalam bidang kemahiran. Program telah di isi dengan taklimat kerjaya TVET oleh

JPKWT En Wan Sulaiman Md Daud dan penerangan berkenaan peluang latihan kemahiran di Institut Kemahiran Latihan Awam oleh En Noor Imran Bin Mohamad daripada Jabatan Tenaga Manusia, Kemahiran Sumber Manusia. Majlis diserikan lagi dengan kisah kejayaan tiga orang ikon kemahiran iaitu En Zulkifli Abu Bakar, Training Manager, Mercedes Benz (M) Sdn Bhd, En Karim Muhammad, Eksekutif, UMW Equipment Sdn Bhd dan En Aladin Gapor, CEO, Nur Dyana Beauty Sdn Bhd.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Tim YBr. Dr. Mohd Rashid bin Buyong Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JPK. Beliau berharap agar bidang kemahiran menjadi pilihan para belia khususnya mereka yang baru menamatkan persekolahan diperingkat menengah kerana TVET ini mampu menawarkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi.





Sebagai kesimpulan, program ini telah berjaya mencapai objektif dan matlamat yang disasarkan. Program ini dilihat dapat menjadi satu *platform* kepada Jabatan untuk membekalkan maklumat yang tepat kepada para kaunselor berkenaan TVET seterusnya dapat disalurkan kepada pelajar di sekolah. Dicadangkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



SESI PEMANTAUAN DAN BIMBINGAN PELAKSANAAN SLDN

Sesi pemantau dan bimbingan dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan latihan yang dijalankan dapat menghasilkan tenaga kerja mahir negara. Sehingga kini sebanyak 105 lawatan pemantauan dan bimbingan telah diadakan di Perak, Selangor dan WP KL bagi pengambilan Mac, Jun, September dan November.

Selaras dengan pematuan peraturan pelaksanaan SLDN sesi pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-



Lawatan pemantauan dan verifikasi perantis di Syarikat Environment Idaman Kedah and Perlis Sdn Bhd syarikat kerjasama *Solid Waste Training Centre* Cyberjaya dalam bidang Operasi Pengumpulan dan Pembersihan Sisa Pepejal pada 12 September 2019.



Lawatan pemantauan dan verifikasi perantis di syarikat Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) telah dilaksanakan pada 12 November 2019. Syarikat ini menjalankan bidang Pengeluaran *Post-Press* (PR-021-2:2014)



Lawatan pemantauan dan verifikasi dilaksanakan di PB SLDN *My Beauty* pada 18 Oktober 2019 dalam bidang Perkhidmatan Ekstetik.

Sesi Bimbingan e-SLDN

JPK Wilayah Tengah juga mengambil inisiatif mengadakan Sesi Bimbingan pelaksanaan SLDN secara *online* (e-SLDN) bagi membantu PB SLDN yang menghadapi masalah dalam penggunaan sistem tersebut. Sesi tersebut dikendalikan di JPKWT dan juga di premis PB mengikut keperluan.



Sesi e-SLDN di Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd



Penerangan e-SLDN di Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (JKKN) Kuala Lumpur



Lawatan Bimbingan di PB SLDN , GENIUS KURNIA, Setapak Kuala Lumpur yang menjalankan program Operasi Pusat Autisme Kanak-kanak



Penerangan e-SLDN kepada PB SLDN Suzimie Culinary di JPKWT



Sesi Bimbingan e-SLDN kepada KV Kajang di JPKWT



Sesi Bimbingan e-SLDN di Syarikat SK Power Trading, Perak

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) adalah syarikat pengangkutan keretapi milik kerajaan terbesar di negara ini. Rangkaian keretapi meliputi pantai barat dan pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu dari Padang Besar Perlis ke Johor Bahru hingga ke Tumpat Kelantan.

Landasan keretapi milik KTMB adalah sepanjang 3,018 km dan terdapat 103 buah stesen serta 65 perhentian. KTMB mempunyai pekerja seramai 6,339 orang kakitangan pelbagai jawatan berkaitan industri keretapi.

Akademi KTM yang terletak di Batu Gajah Perak merupakan satu-satunya pusat latihan milik penuh KTMB untuk kakitangan KTMB di seluruh Malaysia. Ia telah mendapat kelulusan menjalankan program dan ditauliahkan sebagai PB SLDN bagi program kemahiran industri keretapi. Mulai 2013 hingga kini, KTMB telah melatih dan mempersiapkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kepada kira-kira 1,800 orang kakitangan samada pekerja baru atau pekerja yang dinaikkan pangkat melalui kaedah SLDN.

Semua pelatih lulusan Akademi KTM telah diambil bekerja di KTMB apabila menamatkan pembelajaran untuk menampung kekosongan jawatan. Antara bidang latihan kemahiran yang ditawarkan di Akademi KTM adalah Operasi Stesen, Operasi Lokomotif, Operasi EMU, Semboyan & Komunikasi, Penyelenggaraan Landasan dan Penyelenggaraan Stok Kereta.



Peningkatan Kerjaya Melalui SLDN - KTMB

Akademi KTM kini sedang melatih 107 orang kakitangan untuk pelbagai jawatan melalui kaedah SLDN. Akademi ini juga bekerjasama dengan beberapa institusi kemahiran seperti IKBN Seri Iskandar bagi bidang Elektronik Industri dan IKBTN Dusun Tua bagi bidang Automotif bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan kakitangan. Hasil gabungan kepakaran pengajar di akademi (trainer) dan pekerja berpengalaman di syarikat. *Coach* dapat melahirkan kakitangan yang mahir dan berketerampilan.



KOMITMEN BERTERUSAN KUNCI KEJAYAAN ENNOVA SDN BHD



Sebuah syarikat 100% milik bumiputera, ditubuhkan pada 24 Mei 2011 sebagai syarikat berasaskan IT Engineering dengan diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif En Mohd Hakimi bin Yaacob.

ENNOVA SDN BHD telah mendapat pentauliahn sebagai PB SLDN pada Januari 2016 bagi program Pengurusan Pemasangan & Penyelenggaraan Fiber Optik-Telekomunikasi (EE-324-4:2013), Pemasangan & Penyelenggaraan Fiber Optik – Telekomunikasi (EE-324-3:2013) dan Pemasangan & Penyelenggaraan Infrastruktur Penghantaran (EE-321-3:2012).

Menurut Puan Norazyani selaku Penyelaras SLDN, idea asal menjalankan program SLDN diutarakan oleh Pegawai JPK yang mempromosikan program SLDN.

Program SLDN membantu syarikat untuk mendapat tenaga kerja dimana pekerja baru dilatih, kemudian dipersijilkan dan diserap sebagai kakitangan tetap.

Memulakan pengambilan perantis mulai tahun 2016 hingga sekarang, seramai 167 orang perantis telah dilatih dan sedang menjalani latihan di pusat ini. Seramai 69 orang perantis telah dipersijilkan, manakala selebihnya masih dalam latihan. Syarikat mengekalkan pengambilan perantis mengikut kapasiti yang ditetapkan dan lebih mengekalkan kualiti dari kuantiti perantis.

TAHUN	BIDANG					
	Pemasangan & Penyelenggaraan Infrastruktur Penghantaran (EE-321-3:2012)		Pemasangan & Penyelenggaraan Fiber Optik - Telekomunikasi (EE-324-3:2013)		Pengurusan Pemasangan & Penyelenggaraan Fiber Optik - Telekomunikasi (EE-324-4:2013)	
	Berdaftar	Dipersijilkan	Berdaftar	Dipersijilkan	Berdaftar	Dipersijilkan
2016	-	-	40	34	-	-
2017	30	15	30	17	-	-
2018	15	Sedang mengikuti latihan	15	Sedang mengikuti latihan	7	3
2019	15	Sedang mengikuti latihan	15	Sedang mengikuti latihan	-	-
JUMLAH	60	15	100	51	7	3

Perantis yang telah dipersijilkan dengan SKM dan DKM diberi peluang untuk menjadi sub kontraktor kepada syarikat ENNOVA SDN BHD selain diserap bekerja dengan syarikat. Data kebolehpkerjaan adalah seperti berikut:

TAHUN	DISERAP BEKERJA	BEKERJA SENDIRI (SUB KONTRAKTOR SYARIKAT ENNOVA SDN BHD)	BEKERJA DENGAN MAJIKAN LAIN	SAMBUNG BELAJAR
2016	8	16	7	3
2017	5	24	3	-
2018	3	Sedang mengikuti latihan		
2019	Sedang mengikuti latihan			



Perantis menjalankan tugas pemasangan *fibre optic* dengan diawasi oleh *coach*.



Syarikat amat menitik beratkan nilai-nilai murni individu serta kebajikan perantis. Oleh itu PB ini mengambil pendekatan menerapkan nilai-nilai positif ke dalam jiwa perantis untuk melahirkan perantis yang lebih teguh, berintegriti dan berdaya saing.

Graduan Konvokesyen
SLDN 2018 Bersama
Ketua Eksekutif Ennova
Sdn Bhd, En. Mohd
Hakimi Bin Yaacob
serta Penyelaras SLDN,
Pn. Norazyani Binti
Hassan dan Cik
Mazwin Binti Yaakob.



CSD INTERIOR DESIGN & ART TRAINING ACADEMY ditubuhkan pada tahun 2009, dimiliki oleh Rena Liu. Beliau mempunyai pengalaman 30 tahun dalam bidang Hiasan Dalaman. Akademi ini telah ditauliah sebagai pusat latihan SLDN dan menjalin kerjasama dengan *CENTRIC DESIGN* sebagai syarikat SLDN. Program yang telah ditauliah adalah *Interior Draughtsman* (Pelukis Rekaan Dalaman) SKM Tahap 1 hingga Tahap 3.

Melalui program SLDN ini perantis dapat merasai suasana kerja sebenar di industri di mana 30% latihan dilaksanakan di Pusat Latihan dan 70% latihan di syarikat. Perantis akan diberi peluang untuk menyelesaikan dan menentukan *Interior Design* setiap pelanggan yang hadir di *CENTRIC DESIGN*. Mereka akan diajar secara teknikal dan

praktikal dalam menentukan konsep yang diilhamkan oleh pelanggan. Para perantis juga dikehendaki untuk membuat projek individu untuk menampakkan kreativiti mereka melalui reka bentuk konsep mereka sendiri.

Menurut Rena Liu "Kami sangat percaya bahawa seorang *Interior Draughtsman* yang profesional perlu mempelajari semua aspek pengetahuan supaya dapat menyesuaikan diri dengan keperluan industri pada masa sekarang. Matlamat utama kami adalah memastikan perantis berjaya mendapatkan kemahiran yang optimum dan berjaya menjadi *Interior Draughtsman* mengikut teknologi pada masa terkini. Kami akan sentiasa berhubung untuk berkongsi maklumat terkini dan menyelesaikan masalah bersama".


TENAGA MAHIR MENGEKALKAN DAYA SAING SYARIKAT



CSD INTERIOR DESIGN & ART TRAINING ACADEMY ditubuhkan pada tahun 2009, dimiliki oleh Rena Liu. Beliau mempunyai pengalaman 30 tahun dalam bidang Hiasan Dalaman. Akademi ini telah ditauliah sebagai pusat latihan SLDN dan menjalin kerjasama dengan *CENTRIC DESIGN* sebagai syarikat SLDN. Program yang telah ditauliah adalah *Interior Draughtsman* (Pelukis Rekaan Dalaman) SKM Tahap 1 hingga Tahap 3.

Melalui program SLDN ini perantis dapat merasai suasana kerja sebenar di industri di mana 30% latihan dilaksanakan di Pusat

Jumlah Sijil SKM Yang Telah Diperolehi Oleh Perantis CSD Interior Design & Art Training Academy





Pembangunan Tenaga Mahir Menjamin Kepuasan Pelanggan - MAZDA

Mazda adalah merupakan jenama yang terkenal dalam industri pembuatan automotif global. Varian-varian model keluarannya yang berkualiti tinggi dan menarik di Malaysia membolehkan hampir 190,000 kenderaan syarikat tersebut berjaya dijual di pasaran negara ini sejak tahun 2010.

Menurut Ketua Bahagian Selepas Jualan, En Shamsuddin Haji Amran

"Kenderaan yang berkualiti tinggi perlu diselenggara oleh sumber tenaga mahir yang kompeten dan berdaya saing. Oleh yang demikian, pihak pengurusan Mazda Malaysia telah menghabiskan jutaan ringgit dalam membangunkan





sendiri hampir 420 tenaga mahir dibidang mekanik kenderaan motor dan juruteknik. Ketuk dan cat panel kenderaan bagi keperluan dan permintaan 17 cawangan dan 44 *dealer* Mazda yang bertauliah di seluruh negara.

Pihak syarikat menghargai komitmen pihak JPK dalam merealisasikan hasrat mereka untuk melatih tenaga mahir negara melalui program SLDN. Melalui program ini mereka dipersijilkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia. Menurut beliau, pihak Mazda Corporation Japan sangat teruja dan kagum dengan pencapaian kami melalui program SLDN.



Melalui program ini, pihak syarikat dapat membentuk tenaga mahir mengikut acuan dan teknologi tercanggih Mazda. Kita dapat melihat hasil pelaksanaan SLDN di syarikat pada hari ini dimana kami kekal kompetitif diperingkat antarabangsa kerana kualiti tenaga kerja yang kami ada. "Pihak syarikat mendapati pelanggan yang membeli Mazda akan kekal dengan jenama ini kerana mereka sangat berpuas hati dengan perkhidmatan selepas jualan yang disediakan"



EMPOWER NCER MEMPERKASA EKONOMI BELIA DI NEGERI PERAK



Program *Empower Northern Corridor Economic Region (NCER) @ Perak* adalah suatu perkongsian pintar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat. Program ini mempunyai 3 pendekatan iaitu:-

- 1** Meningkatkan pendapatan belia melalui peningkatan kemahiran dan keusahawanan
- 2** Pembasmian kemiskinan melalui pendidikan komprehensif
- 3** Pembangunan usahawan melalui dengan memperkayakan peniaga kecil dan sederhana

Sasaran program rintis ini adalah golongan belia B40 dari 13 daerah di Negeri Perak yang akan berlangsung selama 24 bulan. Usaha murni ini melibatkan kerjasama pintar beberapa agensi iaitu Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA), 13 pejabat daerah di Perak, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pusat-pusat Latihan Kemahiran seperti Kolej Komuniti, Giat Mara, ILP

serta institusi kewangan seperti, Maybank dan Agrobank.

Pihak JPKWT terlibat secara langsung dalam pendekatan pertama iaitu memastikan kemahiran berasaskan *National Occupational Skill Standard (NOSS)* dilaksanakan dan sijil SKM diberikan kepada pelatih yang kompeten. Kesemua 8 bidang kemahiran dipilih adalah Jahitan, Spa & Kemahiran, Bakeri & Pastri, Kulinari, Pengurusan Homestay, Pemandu Pelancong, Pertanian Komersial dan Pemprosesan Makanan.



Mesyuarat penyelarasaan pelaksanaan telah diadakan di IGROW Pulau Tiga, Perak Tengah pada 6 Oktober 2019 bersama agensi terlibat IGROW, UPSI, JPK, PB Negeri Perak & JPD.

TVET PRO adalah satu inisiatif yang diambil oleh IGROW dan Kerajaan Negeri Perak untuk mempromosi dan memberi pendedahan kemahiran kepada para belia.

Sejumlah 40 orang pelajar tingkatan 4 telah dipilih dan diberi pendedahan asas secara *hands on* selama 2 hari dalam salah satu daripada 8 bidang kemahiran yang mereka minati. Bidang-bidang kemahiran tersebut adalah automotif, elektrik, penternakan ikan dalam sangkar, kulineri, pertanian, pemprosesan makanan, pembuatan kraftangan dan penyamanan udara.

Program ini secara tidak langsung akan menimbulkan minat dalam diri peserta terhadap bidang kemahiran yang diminati dan seterusnya memohon untuk mendapat latihan kemahiran di (ILKA/S) di bidang diminati selepas tamat persekolahan nanti.

TVET PRO MENCUNGKIL MINAT PELAJAR



Pelancaran TVET PRO telah disempurnakan oleh EXCO Pendidikan Perak YB Dato' Dr Aziz Bari. Dalam ucapan perasmianya beliau menyatakan bahawa program pendekatan ini sangat baik untuk menimbulkan minat pelajar sekolah kepada bidang kemahiran yang minati. Beliau menyarankan program TVET PRO ini akan dikembangkan ke semua 13 daerah di Negeri Perak dalam masa terdekat.

Program ini adalah merupakan hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Penganjuran TVET *Exposure Programme* (TVET PRO) yang diadakan pada 11 September 2019 yang dihadiri oleh JPK, Perbadanan Kemajuan Kraftangan, IGROW, UPSI, Pejabat Pendidikan Daerah, PPD KPM, Pengusaha Bengkel Automotif, Pengusaha Ikan Sangkar Sungai Perak.



Pekerja Mahir - Kos Operasi jimat

TALIWORKS CORPORATION

Pihak Taliworks Corporation adalah merupakan syarikat yang bertanggungjawab dalam merawat dan memproses air sungai untuk keperluan hampir 5 juta rakyat Malaysia di Lembah Klang.


Pihak syarikat komited dalam pembangunan dan persijilan tenaga mahir di bidang loji dan rawatan air. Syarikat berkeyakinan bahawa pekerja mahirnya mampu untuk menjana keuntungan syarikat dengan menjimatkan lebih RM 1 juta kos operasi syarikat setahun.

Pihak syarikat telah memulakan langkah untuk mempersijilkan pekerjaanya dengan SPKM pada

tahun 2016 melalui program SLDN apabila pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negeri Negeri (SPAN) telah menguatkuasakan peraturan dimana semua pekerja yang terlibat dalam proses rawatan air perlulah diiktiraf kekompetennya.

Menurut Penolong Pengurus Besar Taliworks Corporation, Tuan Haji Zulkhairi Subuh, dengan penguatkuasaan peraturan kekompetenan oleh pihak SPAN ini, pihak syarikat terpaksa mencari badan persijilan yang boleh mengiktiraf kekompetenan tenaga mahir kami dan pihak kami mendapati bahawa SKM yang dikeluarkan oleh pihak JPK yang paling sesuai bagi tujuan tersebut





kerana SKM diiktiraf oleh SPAN.

Bagi menggalakkan pekerja mahir di syarikat memperolehi SKM pihak syarikat telah menyediakan insentif kenaikan gaji sebanyak dua kali setahun kepada pekerja yang telah berjaya.

Pihak syarikat mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak JPK Wilayah Tengah kerana telah membantu dalam menjayakan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah SLDN dan PPT kepada sebahagian besar pekerja mahir di syarikat ini. Profesionalisme pekerjaan operasi rawatan air telah diiktiraf melalui penganugerahan Persijilan Kemahiran Malaysia.



REVOLUSI INDUSTRI 4.0?

Menurut pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution* menjelaskan Revolusi Industri keempat ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak.

Dalam erti kata lain, hidup manusia akan dipermudahkan dengan bantuan robot yang bakal menjadi "kawan" yang akan menguruskan hal ehwal dan tugas harian.

Mungkin sukar untuk digambarkan logik akal nya apabila melihat pesanan piza yang kita lakukan melalui pesanan telefon, akan dihantar dengan menggunakan perkhidmatan dron sampai di depan pintu rumah.



Selain itu, segala urusan rumah seperti mencuci baju, memberi makanan haiwan kesayangan dan mematikan alat pendingin hawa hanya perlu menekan butang di telefon pintar masing-masing tanpa perlu lagi bersusah payah mengambil perkhidmatan pembantu rumah.

Untuk ke pejabat pula, kita tidak perlu lagi untuk menghidupkan enjin dan memandu di tengah-tengah jalan raya yang sesak.

Semuanya akan selesai dengan hanya menekan butang kekunci, penumpang boleh menyambung tidur dalam kereta masing-masing dan segala urusan pemanduan akan dikawal sepenuhnya melalui satelit sampai ke tempat yang ingin dituju dengan selamat.


Senario tersebut walaupun pelik, namun secara perlahan-lahan telah mula berkembang dan berevolusi menjadi satu bentuk norma yang biasa pada masa akan datang.





Dengan menggunakan akronim Revolusi Industri 4.0 ini, segala urusan harian manusia akan dikongsi bersama robot yang dicipta khusus untuk mengoptimumkan keperluan dan keselesaan manusia.

Walaupun teknologi-teknologi ini masih dalam peringkat pengujian di peringkat global, banyak aplikasi yang digunakan telah pun kita nikmati. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi navigasi seperti *Waze* atau *Google Maps* yang menyediakan pemandu tentang maklumat laluan serta perjalanan adalah antara bibit-bibit awal kepada pengenalan dunia yang dipanggil *Internet of Things* (IoT).



Program Pengukuhan Sahsia telah dilaksanakan di Selesa Hills Resort, Bukit Tinggi, Pahang daripada 13-15 September 2019. Program tersebut telah dihadiri oleh 18 orang kakitangan daripada JPK Wilayah Tengah dan JPK Wilayah lain.

Objektif utama program ini adalah untuk memantapkan sahsiah dan integriti kakitangan JPK Wilayah Tengah disamping

menguatkan kerjasama berpasukan dalam mencapai matlamat yang ditetapkan oleh jabatan dan kementerian. Pelbagai aktiviti di dewan dan di lapangan telah dilaksanakan selama 3 hari 2 malam yang menguji fizikal dan mental peserta. Diharap dengan pelaksanaan program ini akan dapat meningkatkan keutuhan semangat berpasukan dan kreativiti dan inovasi pegawai.



Pengukuhan Sahsia



Kursus Magnet Rezeki

Kursus yang dianjurkan oleh JPKWT pada 22 Oktober 2019 dan disertai oleh semua pegawai dan kakitangan. Kursus ini bertujuan membentuk individu berintegriti dalam apa jua aktiviti samada semasa bekerja ataupun kehidupan seharian.

Senyummaafkansemuaorang 😊

Dosaperisairezeki 🙏



Kursus Pembangunan Portal

Kursus yang dianjurkan oleh JPKWT ini telah diadakan pada 19 September 2019 di pejabat JPKWT. Kursus ini bertujuan meningkatkan kreativiti, kemahiran dan kecekapan pegawai dalam pengurusan data jabatan. Penceramah jemputan ialah En Syarumiefizal bin Baharum dari Bahagian Perancangan Penyelidikan & Pembangunan dari JPK Putrajaya.



Majlis Konvokesyen Persijilan Kemahiran AEON Bakery School

15 Oktober 2019



MAJLIS KONVOKESYEN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA ANJURAN AEON 2019

TARIKH : 15 OKTOBER 2019
LOKASI : MENARA PGRM CHERAS



MAJLIS KONVOKESYEN ASSB TOYOTA 2019

TARIKH : 13 JULAI 2019
LOKASI : SHAH ALAM
CONVENTION CENTRE



MAJLIS KONVOKESYEN ISUZU KE-4

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019
LOKASI : SUNWAY RESORT
HOTEL & SPA



MAJLIS KONVOKESYEN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA 2019 ANJURAN PB SLDN MALAYSIA

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019
LOKASI : UKM BANGI



PAMERAN KERJAYA SMKSAAS
SMKSAAS, SHAH ALAM | 1 OGOS 2019

SAMBUTAN HARI PERKESO
MENARA PERKESO | 1 OKTOBER 2019



KARNIVAL DEEPAVALI 2019
STADIUM BUKIT JALIL | 23-24 OKTOBER 2019



**SEMINAR ENRICHMENT
LEAP**
SYUEN HOTEL IPOH | 2 NOVEMBER 2019

**KARNIVAL TVET MALAYSIA
ZON TENGAH**
CIAST SHAH ALAM | 19-21 OKTOBER 2019



PERASMIAN PERANTIS ASSB 2019
ASSB, SHAH ALAM | 19 SEPTEMBER 2019




TAKLIMAT PSMB-SLDN
JPKWT | 5 NOVEMBER 2019

PROMOSI SPKM
MEERCEDES-BENZ MALAYSIA TRAINING
ACADEMY PUCHONG | 6 DISEMBER 2019




STATISTIK


PB SLDN MASIH AKTIF




PERANTIS BERDAFTAR SLDN BIASA 2019




BILANGAN PB SLDN INSENTIF 2019



BILANGAN PROGRAM INSENTIF 2019



PERANTIS SLDN INSENTIF 2019



JUMLAH KUOTA : 2392
JUMLAH DAFTAR : 1974

STATISTIK

SELANGOR / KL / PERAK

SEHINGGA
NOVEMBER
2019

PETUNJUK:

SM WILAYAH PERSEKUTUAN	SM WILAYAH PERSEKUTUAN (PERANTIS BERDAFTAR)	SM WILAYAH PERSEKUTUAN (KUOTA PERANTIS)
SM SELANGOR	SM SELANGOR (PERANTIS BERDAFTAR)	SM SELANGOR (KUOTA PERANTIS)
SM PERAK	SM PERAK (PERANTIS BERDAFTAR)	SM PERAK (KUOTA PERANTIS)



HARI KELUARGA JPKWT 2019 @ DEDAUN RESORT, HULU LANGAT

Hari Keluarga JPK Wilayah Tengah telah diadakan di Dedaun Resort, Hulu Langat daripada 3-4 Ogos 2019. Program ini telah disertai oleh semua kakitangan JPK Wilayah Tengah bersama keluarga masing-masing. Program dimulakan dengan permainan dalaman seperti congkak, *beyblade* dan diteruskan dengan acara sukaneka untuk keluarga. Pada malamnya peserta dihidangkan dengan *barbeque* dan hadiah bagi acara yang diadakan disampaikan oleh Dr. Hj. Ruminah Bt. Muhammad Zain, Pengarah JPK Wilayah Tengah.

Program ini adalah acara tahunan di JPK Wilayah Tengah. Lokasi program dan aktiviti diubah setiap tahun untuk memberi pengalaman baru kepada semua peserta. Objektif program ini adalah untuk mengeratkan silaturahim dan masa bersantai dikalangan kakitangan dan keluarga masing-masing.



Mutiara Kata



"Jadilah seperti pohon yang tumbuh dan berbuah lebat. Dan dilempar dengan batu, tapi membalasnya dengan buah.

Abu Bakar RA

The person who assists a brother at times of difficulty then Allah will assist him in his time of need



Ilmu tanpa amal bagai pohon tanpa buah.

You have to learn to say **"NO"** without feeling guilty. Setting boundaries is healthy. You need to respect and take care of yourself.

Hasil Dari Ilmu Adalah Tindakan Bukan pengetahuan

Knowledge is that which benefits not that which is memorized.

Imam Al-Shafi'i RA

NAMA PUSAT LATIHAN / EMEL (KUALA LUMPUR)

KK SUPERMART & SUPERSTORE SDN BHD stevenleek9@gmail.com
 PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD ahmad.ildi@airselangor.com
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD suhana@printnasional.com.my
 KOLEKSI NIKMAT raha_onestop@yahoo.com
 CSD INTERIOR DESIGN & ART TRAINING ACADEMY rena_icentric@yahoo.com
 D'JARI HAIR & BEAUTY SALON hartadjar99@gmail.com

NAMA PUSAT LATIHAN / EMEL (NEGERI PERAK)

ANNEY BEAUTY AND SPA anneybeautyspa@yahoo.com.my
 BESTSKILLS ACADEMY (M) SDN BHD bestskillsacademy@yahoo.com
 DES SALON UNISEX CREATIVE HAIRSTYLIST dessalonipoh@gmail.com
 FSK GLOBAL MULTIPLE SDN BHD fskglobal_multiple@yahoo.com
 GANETHAS ACADEMY nirmala_thanabal@yahoo.com
 GIATMARA TAIPING gmataping@giatmara.edu.my
 IMPIAN KASIH LAILA impiankasihlaila8986@gmail.com
 IYANIS SDN BHD suriyani70@yahoo.com.my
 JDNA ENTERPRISE jdna_jun@yahoo.com
 KOLEKSI EZZANY ezzanytoi@gmail.com
 MY BEAUTY ACADEMY SDN BHD julianangok@mybeauty.com.my
 MZ TRAINING CENTER SDN BHD mzserimanjung@yahoo.com
 PUSAT VOKASIONAL INDUSTRI KAMUNTING nhishamuddin@prison.gov.my
 PUSAT VOKASIONAL INDUSTRI TAIPING mustafamar@prison.gov.my
 SERI SERAI SOLUTION farizahton@gmail.com
 seriseraisolution@gmail.com
 SINAR TERAP ENTERPRISE sinar_terap82@yahoo.com.my
 SK POWER TRADING skpowertrading@gmail.com
 TINIE BEAUTY SPA tiniebeautyspa@yahoo.com
 TOKO IMPIAN tokoimpiancompany@gmail.com
 ZAMOZA DESIGN zamozaedesign@gmail.com
 GIATMARA LARUT gmlarut@giatmara.edu.my
 USAHA TAAT ilkut_taiping@yahoo.com

NAMA PUSAT LATIHAN / EMEL (NEGERI SELANGOR)

AINAA-AILAA GROUP SDN BHD nudella2000@gmail.com
 AKADEMI INTAN MATANG SDN BHD aiyeesan@gmail.com
 AKADEMI SULAM EMAS SDN BHD akasulem@gmail.com
 AL-FARABI CONSULTANT AND MANAGEMENT alfarabiconsultant@yahoo.com
 ASSEMBLY SERVICES SDN BHD mnazria@toyota.com.my
 BROOKLANDS VINTAGE SDN BHD brooklands@yahoo.co.uk
 CEKNEK PRODUCTION ceknekproduction@gmail.com

NAMA PUSAT LATIHAN / EMEL (NEGERI SELANGOR)

CHENNAI BEAUTY PARLOUR ENTERPRISE chennai_creations@yahoo.com
 (CAWANGAN KLANG)
 DARUL QURAN jabpengsepanyat@gmail.com
 DEENA SKILLS ACADEMY deenaskillsacademy@yahoo.com
 DOMEILEE BEAUTY ACADEMY SDN BHD asyikindomeilee@gmail.com
 (CAWANGAN PUCHONG)
 DZAHRA BEAUTY ACADEMY kelisa4768@yahoo.com
 ENNOVA SDN BHD norazyani@ennova.com.my
 FR FENOMENA ENTERPRISE frfenomena@gmail.com
 GERBANG ALAF RESTAURANTS SDN BHD Suzliza.Ildris@my.mcd.com
 (McDONALDS ACADEMY)
 INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA mamir@kbs.gov.my
 NEGARA (IKTBN) SEPANG
 INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA whussin@kbs.gov.my
 NEGARA DUSUN TUA
 INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI BELIA zeti@kbs.gov.my
 NEGARA KUALA LANGAT
 ISUZU MALAYSIA SDN BHD andrew.devadas@isuzu.net.my
 JJ-ONE BEAUTY ACADEMY jjonebeautywellness@gmail.com
 LA JOISE INDUSTRIES (M) SDN BHD lajoise@yahoo.com
 LES'COPAQUE ANIMATION ACADEMY atikanor@lescopaquacademy.edu.my
 MERCEDES-BENZ MALAYSIA SDN BHD zulkefley.abu_bakar@daimler.com
 METRO DRIVING ACADEMY irwan.mda@gmail.com
 (PUCHONG) SDN BHD
 MSU COLLEGE SHAH ALAM satariah@msucollege.edu.my
 PALMAROSA QUINCE palmarosaqtc@gmail.com
 TRAINING & CONSULTANCY
 PRIMA MERDU SDN BHD mohamedadli.adun@mazda.com.my
 hockswee@mazda.com.my
 PUSAT HOMEOPATHY & AKUPUNTUR nikfairuz@gmail.com
 PUSAT HOMEOPATHY & AKUPUNTUR semaasma98@gmail.com
 (CAWANGAN RAWANG)
 R & A COMMERCIAL VEHICLES SDN BHD s.hajarawalludin@gmail.com
 sitihajar.sga@gmail.com
 RAPID BUS SDN BHD jaslino@prasarana.com.my
 REKAMAJU BEAUTY SDN BHD rekamajubeauty@gmail.com
 SEGI FRESH RETAIL ACADEMY noorazura@segigroup.com
 SMV GLOBAL ACADEMY (M) SDN BHD smv_pro@yahoo.com
 SOLID WASTE TRAINING CENTER (SWTC) zurida@swcorp.my
 THARSHAL TRAINING ACADEMY SDN BHD tharshalacademy@gmail.com
 URUS BUDAYA junaidah.othman@yahoo.com
 WANNA SKILLS TRAINING & wannaskillstraining@gmail.com
 CONSULTANCY SDN BHD
 WHET ACADEMY SDN BHD whetacademy10@gmail.com
 (CAWANGAN SETIA ALAM)



SJCC GALLERY
 Basement



Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Tengah,
 Kementerian Sumber Manusia,
 A301-2, Tingkat 3, West Wing,
 Wisma Consplant 2, No 7, Jalan SS 16/1,
 47500 Subang Jaya, Selangor

☎ 03-5635 9995 ☎ 03-5638 8777
 ✉ jpktengah@mohr.gov.my
 📍 JPK Wilayah Tengah

PEJABAT JPK SEBERANG PRAI
 WILAYAH UTARA

PEJABAT JPK WILAYAH
 TENGAH
 SUBANG JAYA

IBU PEJABAT JPK
 PUTRAJAYA

IBU PEJABAT JPK
 CYBERJAYA

PEJABAT JPK WILAYAH
 SELATAN
 JOHOR BAHRU

PEJABAT JPK WILAYAH
 TIMUR
 KUALA TERENGGANU

PEJABAT JPK WILAYAH
 SABAH
 KOTA KINABALU

PEJABAT JPK WILAYAH
 SARAWAK
 KUCHING

PEJABAT JPK WILAYAH
 SELATAN
 JOHOR BAHRU



**KAJIAN
 KEBOLEHPASARAN
 GRADUAN SPKM**
 SEHINGGA
 31 JANUARI 2020